

# Usaha bentuk generasi muda negara tidak pernah pudar: Musa

NST 27.3.2017 |

OLEH NOOR EVIANA  
DATU MAZINAL

KOTA KINABALU: Perancangan serta usaha-usaha oleh pihak kerajaan membentuk generasi muda negara tidak pernah pudar.

Katanya, pelbagai inisiatif pembangunan golongan muda termasuk mahasiswa telah dilaksanakan sama ada di peringkat pusat, negeri atau lain-lain organisasi untuk membimbing dan menggilap potensi golongan tersebut.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berkata, usaha itu tidak pernah pudar bahkan sentiasa diperkemas sesuai dengan keperluan semasa bagi menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Mengambil contoh ter-



ALBUM ... Masidi (tengah) bergambar bersama peserta program ketahanan nasional.

dekat, Musa memetik mengenai Transformasi Negara 2050 (TN50) dimana Sabah terpilih sebagai destinasi pertama yang telah dilaksanakan pada 24 Februari 2017 dengan 1,200 belia telah hadir dalam sesi dialog di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Perancangan negara untuk tempoh 30 tahun bermula

tahun 2020 hingga 2050 telah dirangka dengan memberi kuasa kepada golongan muda melalui persatuan dan kelab di peringkat akar umbi.

"Pandangan dan saranan yang bernas akan dikumpul dan diperkemas menjelang tahun 2020, justeru itu saya menyeru para mahasiswa juga supaya mengambil peranan

menyatakan pandangan dan aspirasi mereka untuk kejayaan TN50," katanya lagi

Musa berkata demikian dalam ucapannya yang disampaikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Masidi Manjun semasa Majlis Penutupan 'Program Ketahanan Nasional' bersama le-

bih kurang 40 pemimpin mahasiswa UMS di Kampus Intan di sini kelmarin.

Dalam perkembangan lain, Musa memberitahu bahawa Sabah merupakan negeri pertama di Malaysia yang mempunyai indeks belia sendiri iaitu Indeks Belia Sabah (IBS), dimana ianya selaras dengan usaha kerajaan untuk memastikan semua aspek pembangunan golongan muda akan memberi kesan dari segi pelaksanaan dasar, gerak kerja untuk memastikan objeknya tercapai.

"Mekanisme dan pendekatan ini juga seiring dengan hala tuju Dasar Belia Malaysia (DBM) yang akan berkuatkuasa, Hala tuju dasar ini mengambil kira cabaran utama belia Malaysia yang berhadapan dengan cabaran poli-

tik, ekonomi, sosial dan teknologi dalam persekitaran global yang kompetitif," tegasnya lagi.

Musa juga turut mengucapkan tahniah kepada Yayasan Kepimpinan dan Strategi Sabah kerana berjaya melaksanakan Program Ketahanan Nasional.

Sepanjang program itu, para peserta didedahkan mengenai situasi semasa dalam pengisian-pengisian modul Keselamatan Negara, Cabaran Ekonomi, Patriotisme dan Integriti merupakan dasar yang perlu difahami oleh generasi muda bagi melahirkan golongan belia yang mampu berdikari, berwawasan dan mempunyai jati diri seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara akan datang.